

UTUSAN BORNEO

Tarikh : 17 September (Jumaat)
Muka Surat : 3

Kerajaan tidak tolak untuk lantik anak Sabah

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

TUARAN: Kerajaan tidak menolak cadangan untuk menempatkan anak Sabah sebagai ketua jabatan Persekutuan di negeri ini.

Malah, ketika ini, 37 daripada 80 jawatan ketua jabatan Persekutuan di peringkat negeri diisi oleh orang Sabah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, berkata kerajaan sendiri sentiasa berusaha menghantar mereka yang layak bukannya hanya untuk mengisi ketua jabatan Persekutuan di peringkat negeri malah di peringkat persekutuan di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Ini sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk meningkat dalam kerjaya dan menggalakkan orang Sabah menyertai perkhidmatan awam bukan sahaja di peringkat negeri, tetapi juga di peringkat persekutuan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian kampus Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Sabah di sini,



KEBANGGAAN SABAH... Najib (tengah) meninjau model Intan Sabah sambil diiringi Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Aman (kiri) dan Pengarah Intan Malaysia, Dr Aminuddin Hassim.

kelmarin.

"Langkah ini sudah tentu akan dapat mengukuhkan lagi integrasi dan perpaduan nasional di negara ini,"

katanya.

Beberapa akhbar tempatan sebelum ini melaporkan kenyataan Naib Presiden Upko, Senator Datuk Majjol

Mahap, yang menuntut supaya lebih ramai rakyat Sabah yang layak dilantik menjadi ketua jabatan dan agensi Persekutuan di Sabah.